

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 1/2017)**

TARIKH : 03 Mac 2017
TEMPAT : Bilik Gerakan Tan Sri Mahfuz, Aras 3, Bangunan JKR Negeri Perak
JAM : 8.30 pagi – 12.30 tengahari

AGENDA:

1. Kata Aluan Pengerusi Mesyuarat
2. Pengesahan Minit Mesyuarat
3. Maklumbalas Status Tindakan Berbangkit
4. Pembentangan Aktiviti ECKM 2017
5. Pembentangan Laporan Status CoP
6. Pembentangan Laporan Pembudayaan Ilmu oleh JKR Perlis
7. Pembentangan Cadangan Program Persada Minda 2017
8. Hal-hal lain
9. Penutup

KEHADIRAN:

A. IBU PEJABAT

BII	Nama Pegawai	Cawangan
1	YBr. Mohd Rahim Kawangit	Caw. Perancangan Aset Bersepadu
2	Pn. Sr. Roznita Othman (Pengerusi)	Caw. Perancangan Aset Bersepadu
3.	Pn. Samsul Khamariah Hamzah	Cawangan Dasar & Pengurusan Korporat
4	En. Effendi Mohd Sood	Cawangan Dasar & Pengurusan Korporat
5	Pn. Aida Nuralni Abd Jalil	Caw. Perancangan Aset Bersepadu
6	En. Khairil Hizar Md Khuzaimah (Urusetia)	Caw. Perancangan Aset Bersepadu
7	Pn. Nur Amalina Mat	CREaTE
8	Pn. Nor Parzila Abdul Ghaffar (Urusetia)	Caw. Perancangan Aset Bersepadu
9	Pn. Safira Alza Ahmad (Urusetia)	Caw. Perancangan Aset Bersepadu
10	Pn. Norhayati Yahya	Cawangan Kerja Bangunan Am 1
11	Pn. Siti Sazmilaila Mohd Salmi	Cawangan Kerja Keselamatan
12	En. Muzamir Izham Mustafa	Cawangan Kerja Kesihatan
13	En. Ir. Wan Abdul Rahman Wan Hassan	Cawangan Jalan
14	En. Ahmad Fadli Mohamad	Caw. Kej. Infrastruktur Pengangkutan
15	En. Hasrul Mat Khalib	Caw. Senggaraan Fasiliti Jalan

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 1/2017)**

Bil	Nama Pegawai	Cawangan
16	Pn. Hjh Faizah Ibrahim	Cawangan Arkitek
17	Pn. Zainon Hj Tohid	Cawangan Arkitek
18	En. Mohamad Lokman Mohamad Ali	Caw. Kej. Awam & Struktur
19	Pn. Sr. Zawiyah @ Zalina Mat Zain	Caw. Kontrak Dan Ukur Bahan
20	En. Muhammad Izzat Ishak	Caw. Kej. Elektrik
21	Pn. Rosmawati Zahari	Caw. Kej. Mekanikal
22	En. Ir. Kanagarajah Rasiah	Caw. Kej Geoteknik
23	Pn. Ar. Rafidah Ismail	Caw. Alam. Sekitar & Kec. Tenaga

B. JKR NEGERI

Bil	Nama Pegawai	JKR Negeri
24	En. Mohd Hafizi Mat	JKR Perlis
25	Pn. Siti Norwahizan Misman	JKR Kedah
26	En. Abdul Satar Muhammad	JKR Pulau Pinang
27	Pn. Rabiah Ab.Aziz	JKR Selangor
28	En. Muhamad Razali Razak	JKR WP Kuala Lumpur
29	En. Bakori Ahmad	JKR WP Putrajaya
30	Pn. Marrion Waynor	JKR WP Labuan
31	En. Zamri Abbas	JKR Negeri Sembilan
32	En. Sr. Ruzali Hussain	JKR Pahang
33	Pn Norayah Bakri	JKR Johor
34	En. Mohd Rozi Bin Awang	JKR Kesedar
35	Pn. Haslinda Ahmad	JKR Kelantan
36	En. Mohd Ali Ismail	JKR Terengganu
37	En. Mohamad Salehuddin Othman	JKR Perak

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 1/2017)**

PERBINCANGAN MESYUARAT

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
1.0	<u>Kata Aluan Pengerusi Mesyuarat</u>	
1.1	Encik Mohd Rahim Bin Kawangit, selaku Pengerusi Mesyuarat mengucapkan tahniah serta terima kasih kepada semua yang hadir kerana program K-Visit yang telah diadakan pada 2 Mac 2017 telah berjalan dengan jaya.	Makluman
1.2	Tuan pengerusi memaklumkan tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk berbincang serta memantau tentang pelaksanaan program yang telah dirancang. Tuan pengerusi meminta agar semua <i>Knowledge Managers</i> dapat memberi kerjasama yang baik dalam menjayakan program ECKM yang telah dirancang.	Knowledge Managers
1.3	Tuan pengerusi juga memaklumkan ECKM telah mengadakan Kursus Pengenalan JPedia dan JCop di CREaTE dan meminta agar <i>Knowledge Managers</i> di Negeri dan Cawangan sama-sama memanfaatkan portal JPedia dan JCop dengan memuat naik maklumat-maklumat baru bagi pengkongsian ilmu bersama warga JKR lain.	Knowledge Managers
1.4	Tuan Pengerusi juga memaklumkan ECKM akan terus relevan bagi memantapkan repositori dan <i>Knowledge Managers</i> di Negeri/Cawangan perlu sebar luas penggunaan JPedia kepada semua kakitangan di Negeri/Cawangan.	Knowledge Managers
1.5	Tuan Pengerusi juga mengingatkan, program yang dijalankan ECKM juga melibatkan KPI KPKR dan semua program yang dijalankan oleh ECKM perlu dibentangkan oleh <i>Knowledge Managers</i> . Tuan Pengerusi meminta agar membuat semakan dengan PO, CPAB.	ECKM
2.0	<u>Pengesahan Minit Mesyuarat</u>	
2.1	Pn. Sr. Roznita selaku Ketua Unit Enterprise Content Knowledge Management mengucapkan terima kasih diatas penyertaan Program K-Visit dan Mesyuarat JKPPPI Bil 1/2017 yang amat baik.	Makluman
2.2	Pn. Sr. Roznita membentangkan minit mesyuarat. Minit mesyuarat disahkan oleh Pn. Samsul Khamariah dari Unit Perpustakaan dan Sumber Maklumat JKR dan disokong oleh En. Muzamir Izham Mustafa dari Cawangan Kerja Kesihatan.	Makluman
3.0	<u>Makluman Status Tindakan Berbangkit</u>	
3.1	<u>Laporan Aktiviti Perkongsian Ilmu 2016</u> Pn. Sr. Roznita memaklumkan Knowledge Managers yang masih belum menghantar laporan aktiviti Perkongsian Ilmu 2016 agar	Knowledge Managers

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 1/2017)**

	menghantar laporan sebelum 31 Mei 2017. Format pelaporan akan dihantar melalui emel oleh En Khairil.	
3.2	<u>Penghantaran Naskah Buku ke JKR Menara PJD</u> Pn. Samsul Khamariah memaklumkan En. Azman telah menghantar naskah buku berkenaan ke PJD namun rak buku masih belum ada. Pihak perpustakaan JKR sedang memohon sumbangan rak buku dari Syarikat Naga Steel.	Unit Perpustakaan, CDPK
3.3	<u>Cadangan Perkhidmatan E-Book dan E-Jurnal di CREaTE</u> Pn. Samsul Khamariah memaklumkan beliau telah memaklumkan kepada Pustakawan CREaTE supaya mempromosikan perkhidmatan E-Book dan E-Jurnal di kalangan warga CREaTE dengan mengambil satu slot khusus dalam mana-mana kursus lain yang dilaksanakan di CREaTE. Pn. Samsul Khamariah juga memaklumkan, jika ECKM memerlukan taklimat berkenaan PNM Digital Ini, Unit Perpustakaan dan Sumber Maklumat JKR bersedia membantu bagi mengadakan taklimat tentang program ini.	Makluman
4.0	<u>Pembentangan Aktiviti ECKM 2017</u>	
4.1	Pn. Sr. Roznita membentangkan status pelaksanaan aktiviti ECKM 2017 serta perancangan aktiviti sehingga hujung Disember 2017.	Makluman
5.0	<u>Pembentangan Laporan Status CoP</u>	
5.1	En. Khairil Hizar Md. Khuzaimah telah membentangkan laporan status JCoP dan CoP terkini.	Makluman
5.2	Mesyuarat dimaklumkan sehingga 28 Februari 2017, untuk status JCoP, sebanyak 3851 <i>post</i> merangkumi soalan, jawapan dan komen telah direkodkan manakala <i>page views</i> adalah sebanyak 127,559. Pengguna berdaftar JCoP seramai 2,168 orang dengan bilangan soalan belum berjawab sebanyak 59 soalan. Terdapat peningkatan yang baik.	Makluman
5.3	Mesyuarat dimaklumkan, Mesyuarat CoP telah dijalankan pada 23-24 Januari 2017 di CREaTE.	Makluman
5.4	Mesyuarat juga dimaklumkan program KConnect 2017 akan diadakan pada 25 April 2017. Semua <i>Knowledge Managers</i> dijemput hadir.	Makluman
6.0	<u>Pembentangan Laporan Pembudayaan Ilmu oleh JKR Perlis</u>	
6.1	En. Mohd Hafiz Mat Akhir selaku <i>Knowledge Managers</i> dari JKR Perlis telah membentangkan Laporan Pembudayaan Ilmu yang telah dijalankan di JKR Perlis.	Makluman

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 1/2017)**

6.2	Antara perkara yang dibentangkan oleh En Mohd Hafiz ialah lantikan Pegawai Pembudayaan Ilmu, Perancangan Program Pembudayaan Ilmu, Pelaksanaan Program Pembudayaan Ilmu, Operasi Perpustakaan JKR Perlis dan Sistem Pengurusan Pengetahuan.	Makluman
6.3	Mesyuarat dimaklumkan antara pelaksanaan Program Pembudayaan oleh JKR Perlis adalah Kursus/Bengkel, Ceramah Motivasi, Hebahan buku penulisan JKR (Simpanan JKR), Penyampalan amanat oleh pihak pengurusan JKR, Lawatan Teknikal dan Perkongsian Ilmu.	Makluman
6.4	Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan tahniah diatas pembentangan dari JKR Perlis. Tuan Pengerusi meminta agar JKR Perlis dapat memuat naik di JPedia dokumen/kertas pembentangan/nota sepanjang program dijalankan di JKR Perlis bagi perkongsian ilmu dengan warga JKR lain.	JKR Perlis
6.5	Tuan Pengerusi memaklumkan ECKM telah menyediakan format pelaporan dan <i>Knowledge Managers</i> boleh mengambil laporan JKR Perlis sebagai contoh bagi penyediaan laporan Pembudayaan Ilmu di Cawangan/Negeri.	Knowledge Managers
6.6	Tuan Pengerusi memaklumkan, CPAB Ibu Pejabat telah memberi peruntukan kepada CPAB Negeri bagi tujuan mengadakan kursus berkaitan dengan Pengurusan Projek dan Aset di negeri. Jika <i>Knowledge Managers</i> kekurangan peruntukan untuk mengadakan kursus yang berimpak tinggi, boleh berbincang dengan CPAB Negeri/ CPAB Ibu Pejabat untuk menggunakan peruntukan di bawah CPAB. Tuan Pengerusi juga memaklumkan kursus yang dirancang amat penting kerana ini adalah salah satu cara menyampaikan maklumat dan ilmu terkini kepada semua warga JKR.	Knowledge Managers
6.7	Tuan Pengerusi mengingatkan peruntukan bagi perbelanjaan mengurus perlulah dirancang sehingga bulan Oktober 2017 sahaja bagi mengelakkan tuntutan perjalanan di bawah peruntukan AP 58.	Makluman
7.0	<u>Pembentangan Cadangan Program Persada Minda 2017</u>	
7.1	Pn. Samsul Khamariah dari Unit Perpustakaan dan Sumber Maklumat JKR telah membentangkan Cadangan Program Persada Minda 2017	Makluman
7.2	Cadangan bagi Program Persada Minda 2017 adalah pada 15 – 16 Ogos 2017 di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid. Objektif program kali ini adalah Bakti Disemai, Jasa Dituai.	Makluman
7.3	Antara cadangan Pengisian Program Persada Minda 2017 adalah seperti berikut :- <u>Hari Pertama (15/8/2017)</u> I) Bual Bicara: Wira Yang Tidak Didendang	Makluman

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 1/2017)**

	- Kisah Pembinaan Jalan Timur Gerik Perak (Tentera/JKR) ii) Perkongsian Ilmu: - Yayasan Nur Salam <u>Hari Kedua (16/8/2017)</u> i) Perkongsian Ilmu: Detik Cemas Mavi Marmala - Ashwad Ismail @ - Meniti Puncak: Antara Realiti Dan Fantasi - Najmil Faiz Mohamed Aris ii) Bual Bicara: Menelusuri Minda Merdeka - Prof Khoo Kay Kim - Aziz M. Osman - Melur Jelita	Makluman
7.4	Pn. Samsul Khamariah juga membentangkan cadangan kedua bagi program ini. Antara pengisian program bagi cadangan kedua adalah:- Tema: "Tradisional Tunjang Kontemporari" Pengisian Program: i) Perubatan – (Melayu / Cina / India) ii) Senibina - (Kejuruteraan / Seni bina / Ukur Bahan) iii) Penerbitan - Sejarah dari papan batu ke alam siber iv) Fotografi/Perfileman -	Makluman
7.5	Tuan Pengerusi memaklumkan bersempena dengan bulan merdeka, pengisian program bagi cadangan pertama adalah lebih sesuai. Cadangan ini juga disokong oleh ahli mesyuarat yang hadir. Tuan Pengerusi memaklumkan cadangan program ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat JPP dan Mesyuarat Pengurusan CPAB.	Makluman
7.0	<u>Hal-Hal Lain</u>	
7.1	Pn. Samsul Khamariah telah mencadangkan antara program baru yang boleh diadakan di JKR Negeri ialah Mini Persada Minda. Tuan Pengerusi mengambil maklum dan mencadangkan agar aktiviti tersebut perlu mendapat kebenaran JKR Negeri terlebih dahulu bagi tujuan pelaksanaannya.	Makluman
7.2	En. Effendi dari Bahagian Komunikasi dan Korporat, CDPK memaklumkan iklan program yang dirancang boleh dipaparkan di Scroll banner portal JKR.	Makluman
7.3	Pn. Norayah dari JKR Johor bertanyakan samada JKR mempunyai modul khas untuk rujukan pelajar Latihan Industri di JKR. Pn. Norayah memaklumkan setiap tahun JKR Johor menerima pelajar Latihan Industri dari pelbagai Universiti. Bilangan pelajar Latihan Industri yang memohon di JKR Johor	Makluman

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 1/2017)**

	lebih dari 100 orang pelajar. JKR Johor juga telah mengambil beberapa inisiatif bagi membantu pelajar Latihan Industri bagi menambah ilmu semasa program Latihan Industri di JKR Johor. Antara program yang telah dilaksanakan oleh JKR Johor adalah kursus pengenalan (bangunan/ elektrik/ mekanikal/ ukur bahan/ arkitek) dan elaun.	
7.4	En. Zamri dari JKR Negeri Sembilan juga memaklumkan baru-baru ini JKR Negeri Sembilan telah menerima 4 orang pelajar OKU Latihan Industri dari Politeknik Ungku Omar. En. Zamri memaklumkan, pelajar Latihan Industri itu telah memaklumkan, mereka telah memohon permohonan Latihan Industri di Ibu Pejabat JKR Kuala Lumpur dan permohonan telah diterima. Namun setelah pihak JKR Ibu Pejabat mengetahui pelajar tersebut adalah pelajar OKU, permohonan mereka telah ditolak di saat akhir. Pelajar tersebut telah memohon semula Latihan Industri di JKR Negeri Sembilan, dan Pengarah JKR Negeri Sembilan telah menerima permohonan mereka. En. Zamri memohon agar pengurusan atasan mengambil perhatian tentang perkara seperti ini kerana isu-isu ini boleh menjejaskan imej JKR.	Makluman
7.5	En. Zamri juga memaklumkan pelajar OKU tersebut merupakan pelajar kejuruteraan awam dan mempunyai masalah pekak dan bisu. Walaupun mereka mempunyai kekurangan mereka boleh menggunakan bahasa isyarat, cepat belajar dan rajin membantu. En. Zamri juga memohon agar pelajar-pelajar OKU seperti mereka diberi peluang untuk belajar dan kemungkinan boleh disediakan modul khusus untuk mereka.	Makluman
7.6	Tuan Pengerusi mengambil maklum tentang perkara ini dan memaklumkan perkara ini bergantung kepada inisiatif setiap jabatan masing-masing dan perkara sedemikian tidak sepatutnya berlaku.	Makluman
7.7	En. Sr. Rozali dari JKR Pahang memohon agar program SOC 2017 dapat diwar-warkan semasa program Persada Minda.	Makluman
8.0	<u>Penutup</u>	
8.1	Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan juga maklumbalas yang telah diberikan. Mesyuarat ditangguhkan kepada tarikh yang akan diberitahu kelak.	Makluman

Disedikan Oleh :



Nur Amalina Binti Mat
Jurutera Awam J41
ECKM, Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan
dan Teknologi JKR (CREaTE)

Disemak-Oleh :



Khairil Hizar Bin Md. Khuzaimah
Jurukur Bahan Kanan
Unit ECKM
Cawangan Perancangan Aset Bersepadu